



BAKTI KASIH : PROGRAM SEKOLAH PRIHATIN DAN PENYAYANG

**Pn. Hamidah bt Abd. Latif
Pn. Noorlia bt Arshad**

**SMK Sri Pantai,
Kuala Lumpur**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini telah dijalankan untuk mengkaji hubungkait kemiskinan pelajar dengan kehadiran dan pencapaian akademik di sekolah. Pelajar ini rata-ratanya datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah iaitu RM 1000 ke bawah. Mereka tidak membawa wang saku ke sekolah. Semasa waktu rehat, mereka terpaksa menahan lapar dan melepaskan dahaga dengan hanya minum ‘air paip’ sahaja. Keadaan yang mengharukan ini menyebabkan pengkaji berasa satu tindakan proaktif perlu diambil bagi membela golongan pelajar yang tidak bernasib baik ini. Justeru, satu badan kebajikan pelajar ditubuhkan hasil ehsan daripada wang zakat koperasi SMK. Sri Pantai Sdn. Bhd, guru-guru, agensi luar dan orang perseorangan. Satu jawatankuasa tindakan juga ditubuhkan untuk mengurus kelancaran program ini. Pelajar-pelajar ini diberi makanan percuma pada waktu rehat dan ditempatkan di bilik khas untuk mengelakkan perasaan malu kerana mereka menerima bantuan. Selepas sebulan program ini dijalankan, didapati kehadiran pelajar semakin meningkat. Mereka didapati lebih bermotivasi dan berasa gembira datang ke sekolah kerana adanya perasaan yang nasib dan kebajikan mereka dibela oleh guru-guru dan golongan yang prihatin. Tinjauan juga mendapati pencapaian akademik pelajar turut meningkat. Sesungguhnya faktor kemiskinan ada hubungkait dengan pencapaian dan kehadiran pelajar ke sekolah. Pengkaji berharap lebih ramai golongan yang prihatin di luar kelompok sekolah dapat menghulurkan bantuan kebajikan kepada pelajar yang tidak bernasib baik ini agar masa depan mereka terjamin.

1.0 LATAR BELAKANG (Refleksi Pembelajaran dan Pengalaman yang Lalu)

Berdasarkan data Sistem Maklumat Murid (SMM) didapati 40% daripada pelajar SMK. Sri Pantai datang daripada kalangan keluarga yang berpendapatan RM 1000 ke bawah. Ramai pelajar SMK. Sri Pantai tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan rumah setinggan. Menyedari kekurangan dan kemiskinan yang dialami oleh pelajar, satu jawatankuasa kebajikan dibentuk di bawah Program Sekolah Prihatin dan Penyayang (HEM) untuk membantu golongan tersebut agar mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar, dana utama diperoleh daripada zakat perniagaan koperasi SMK. Sri Pantai Berhad. Hal ini selaras dengan tuntutan memberi zakat kepada fakir dan miskin. Selain itu, dana juga diperoleh atas dasar keprihatinan guru-guru dan warga sekolah yang lain. Sumbangan juga turut diterima daripada guru-guru bukan Islam kerana keprihatinan mereka terhadap nasib pelajar.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Seramai 51 orang pelajar terlibat dalam program ini (rujuk Lampiran I).

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah


Sebelum projek makanan secara percuma dijalankan, tinjauan dibuat bagi mendapatkan respon daripada pelajar yang betul-betul memerlukan bantuan. Badan Kebajikan membuat iklan dan meuar-uarkan mengenai projek yang akan dijalankan. Pihak kebijakan mendapat respon yang sangat baik daripada pelajar. Mereka datang sendiri ke Bilik Kebajikan dan berkongsi masalah dengan guru-guru kebijakan dan menyatakan sebab mereka betul-betul mengharapkan bantuan. Pihak Badan Kebajikan juga meminta pelajar mengisi borang permohonan, bagi memastikan bahawa ibu bapa mengetahui bahawa anak-anak mereka terlibat dalam projek ini.

Selepas bermesyuarat, Badan Kebajikan mula mencari dana untuk keperluan program. Dana kewangan diperoleh daripada:

- Wang zakat Koperasi SMK. Sri Pantai Berhad
- Sumbangan daripada guru-guru SMK. Sri Pantai
- Sumbangan daripada agensi luar dan orang perseorangan

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

- 5.2.1 Analisis kehadiran pelajar ke Program Sekolah Prihatin dan Penyayang sebelum dan selepas program dijalankan (rujuk Lampiran 2).



Rajah 1 : Analisa Kehadiran Pelajar Ke Program Sekolah Prihatin Dan Penyayang

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan dalam peperiksaan:

- i) Pelajar lebih kerap hadir ke sekolah dan mengikuti pengajaran pembelajaran di bilik darjah;
- ii) Pelajar lebih bermotivasi kerana ada pihak yang prihatin kepada mereka; dan
- iii) Masalah disiplin berkurangan kerana pelajar-pelajar ini sentiasa didekati oleh guru-guru yang bertindak sebagai mentor mereka.

Namun begitu, berlaku juga penurunan peratus pencapaian pelajar. Terdapat beberapa faktor yang mungkin menyebabkan berlakunya penurunan dalam peperiksaan:

- i) Kurang persediaan untuk menghadapi ujian bulanan; dan
- ii) Pelajar yang terlibat kebanyakannya pelajar yang lemah dalam pelajaran. Mereka memerlukan lebih banyak masa untuk menunjukkan perubahan dalam peperiksaan atau ujian.

Keseluruhannya, untuk menghubungkaitkan pemberian makanan tambahan dengan pencapaian prestasi memerlukan masa kajian yang lebih panjang. Dalam jangka masa yang pendek, pemberian makanan percuma menyelesaikan perkara asas iaitu keperluan fisiologi di samping mendidik mereka untuk memantapkan disiplin diri, menepati masa dan menghargai rezeki yang mereka peroleh.

5.3 Tindakan yang Diambil

- i) Badan Kebajikan menyediakan makanan dan minuman secara percuma pada waktu rehat pelajar; dan
- ii) Menu yang disajikan dengan kadar RM 1.00 sehari.

Menu yang disajikan juga tertakluk kepada perubahan dan mengikut sumbangan yang diterima. Minuman disediakan oleh Badan Kebajikan.

5.4 Pelaksanaan Tindakan dan Hasilnya (Pemerhatian/Penilaian)

5.4.1 Pelaksanaan (Aktiviti 1)

- Menyediakan kemudahan di Bilik Kebajikan;
- Menghebahkan kepada pelajar mengenai perancangan program;
- Mengedarkan borang permohonan;
- Memproses borang permohonan;
- Menemuduga pelajar yang memohon bantuan; dan
- Menyenaraikan nama yang layak menerima bantuan.

Lampiran 1

Kumpulan Sasaran

Bil	Kelas	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1.	2 Bumi	4	2	6
2.	2 Marikh	4		4
3.	2 Musytari	1	1	2
4.	2 Neptune	5	3	8
5.	2 Uranus	1	1	2
6.	2 Utarid	2	2	4
7.	3 Bumi	1		1
8.	3 Marikh	1		1
9.	3 Musytari	1	1	2
10.	3 Neptune	1	1	2
11.	3 Uranus	1	1	2
12.	3 Utarid	3	1	4
13.	5 Budi	2		2
14.	5 Jujur	1		1
15.	5 Murni		1	1
16.	6 Atas Aspirasi	1	2	3
17.	6 Atas Efektif	1	5	6
	Jumlah	30	21	51

BIL	NAMA	TINGKATAN	KEHADIRAN	
			Sebelum %	Selepas %
21.	NUR SHAHIRAH BINTI KHAIRUL AUNUAR	2 NEPTUNE	56	91
22.	NORAINA ATIKAH BT ISMAIL	2 NEPTUNE	85	91
23.	MUHD NABIL FIKRI BIN HASIM	2 URANUS	97	100
24.	MUHD AZMEER BIN SALIHIN	2 UTARID	85	100
25.	NOR FAZIDATUL BINTI SHAMSUL BAHRI	2 UTARID	80	98
26.	WAN NOR SALEHAH BT WAN MOHD FAUZAN	2 UTARID	87	93
27.	MOHD SYUKOR BIN BIN MOHD SALLEH	2 UTARID	81	100
28.	MOHD SHAH EFFENDI BIN SYAMSUL	3 BUMI	95	95
29.	YUSDI BIN YUNUS	3 MARIKH	92	96
30.	MOHD FAIZ HAFIZ BIN MOHD SHAH	3 MUSYTARI	95	100
31.	NUR FAREHAN BINTI ABDUL HADI	3 MUSYTARI	90	95
32.	NURZAHARATUL LAILI BINTI SYAMSUL BAHRIN	3 NEPTUNE	99	98
33.	MOHD NUR FADLI BIN OMAR	3 NEPTUNE	87	100
34.	MOHD AMIRUL HAFIZBIN ROSLAN	3 URANUS	79	100
35.	MUHD FADIL SUFI	3 URANUS	95	100
36.	MOHD NUR HAZUAN BIN ABDUL WAHID	3 UTARID	84	100
37.	HELCI AFANDI BIN HARMANI	3 UTARID	84	95
38.	MOHD RIDWAN BIN GHAZALI	3 UTARID	95	100
39.	MOHD ASYRAF BIN BAKIRIM	5 BUDI	77	95
40.	MOHD SHARUL NAZRIN BIN ISMAIL	5 BUDI	94	100
41.	ZAIDI BIN MAHAT	5 JUJUR	78	98
42.	NOR SHAFIDA BINTI JAMALUDDIN	5 MURNI	93	100

Lampiran 3

Pencapaian Akademik Pelajar

Perbandingan dua pencapaian pelajar ini dibuat berdasarkan penilaian pencapaian akademik sahaja tidak termasuk pencapaian bagi kerja kursus.

Kedatangan	Sebelum Program	Selepas Program
95 – 100 peratus	15	39
90 - 94 peratus	16	10
85 - 89 peratus	6	1
80 - 84 peratus	6	1
75 – 79 peratus	5	-
74 peratus ke bawah	3	-

Tingkatan	Peperiksaan Pertengahan Tahun 2007	Ujian Bulanan 2008
Tingkatan 2	41.05%	41.09%
Tingkatan 3	39.03%	44.69%
Tingkatan 5	34.2%	35%
Tingkatan 6	88%	88%